

Headline	Pemaju perlu sedia dana cukup		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 May 2012	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	27	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	223 cm²
Journalist	ABDUL YAZID ALIAS		
Frequency	Daily	AdValue	RM 4,448
		PR Value	RM 13,344



Laksana usaha penghijauan alam sekitar di kawasan pembangunan **Pemaju perlu sedia dana cukup**

Oleh **ABDUL YAZID ALIAS**

pengarang@utusan.com.my

SHAH ALAM 3 Mei - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah setiap pemaju perumahan di negeri ini menyediakan dana yang mencukupi bagi melaksanakan usaha penghijauan alam di sekitar di kawasan pembangunan mereka.

Baginda bertitah, penyediaan dana itu harus diberikan keutamaan dalam setiap pembangunan bagi memastikan rakyat di negeri ini hidup dalam persekitaran yang teratur, bersih dan selamat.

"Persekitaran sebegini boleh mewujudkan tahap kesihatan fizikal, mental dan spiritual yang berkualiti dalam usaha kita mengejar kemajuan.

"Oleh itu, beta sarankan supaya setiap pemaju perumahan di negeri ini menyediakan dana yang mencukupi untuk tujuan penghijauan alam sekitar.

"Pemaju juga dikehendaki mengutamakan kawasan hijau berkenaan supaya ia lebih bermakna dan berfungsi serta mampu menaiktaraf kualiti alam sekitar," titah baginda.

Baginda bertitah sedemikian sempena melancarkan projek 'Trees

To Green' yang melibatkan penanaman 1,500 pokok hutan pelbagai spesies di Taman Alam Impian di Seksyen 35 di sini hari ini.

Hadir sama mengiringi baginda pada majlis itu ialah Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim; Pengurusi I&P Group Sdn. Bhd. (I&P Group), Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid; Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Datuk Mohamed Khusrin Munawi dan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM), Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod.

Sultan Selangor menyeru semua pihak bersama-sama bertanggungjawab menjaga kawasan hijau termasuk taman-taman awam di negeri ini.

"Beta meminta supaya setiap penduduk menjaga taman-taman awam seperti menjaga kediaman sendiri. Lebih baik penduduk men-

jaga kawasan indah ini supaya ia boleh menjadi khazanah untuk diwarisi turun-temurun.

"Beta juga berkenan supaya pihak pemaju atau pengusaha-pengusaha industri tidak menebang po-

kok sewenang-wenangnya terutama pokok yang telah hidup subur kerana amat bernilai untuk kestabilan ekologi dan alam sekitar," titah baginda.

Dalam pada itu, Ahmad Sarji dalam ucapannya pada majlis itu berkata, projek 'Trees To Green' merupakan hasil kerjasama antara I&P Group dan FRIM di lokasi tanah lapang Taman Alam Impian seluas 12.5 hektar.

Katanya, projek taman awam bernilai kira-kira RM3 juta yang dinamakan 'Taman Idaman' itu termasuk membabitkan kos pengindahan dijangka siap pada September tahun ini.

"Ia melibatkan kerja-kerja penambahbaikan pokok sedia ada, membaik pulih tanah, penanaman pokok-pokok baru dan penanaman pokok pinggir kolam.

"Taman berkenaan turut dilengkapi dengan dua buah tasik buatan, kemudahan riadah dan sebuah panggung terbuka dengan keseluruhan projek itu merupakan tanggungjawab sosial (CSR) I&P Group dalam usaha memelihara alam sekitar," katanya.